



## **UCAPAN PERASMIAN**

**oleh**

**Y.BHG. DATO' SERI ZOHARI BIN HJ AKOB  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**sempena**

**SEMINAR PENGURUSAN FASILITI SEKTOR AWAM  
2017**

**12hb SEPTEMBER 2017**

**DI AUDITORIUM SASANA KIJANG, KUALA LUMPUR.**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia, Salam Negaraku Sehati Sejiwa

Yang Berbahagia Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha, Ketua Pengarah Kerja  
Raya Malaysia,

Yang Berbahagia Dato' Dr. Meor Abdul Aziz bin Hj Osman, Timbalan Ketua  
Pengarah Kerja Raya Sektor Infra,

Yang Berusaha En. Kamaluddin bin Hj Abdul Rashid, Timbalan Ketua Pengarah  
Kerja Raya Sektor Bangunan,

Yang Berusaha Sr. Ratna binti Hj Mahyuddin, Timbalan Ketua Pengarah Kerja  
Raya Sektor Pakar.

Yang Berbahagia Dato'-Dato'/Tuan/Puan Pengarah-Pengarah Kanan, Pengarah-  
Pengarah Cawangan & Negeri,

Yang Berbahagia Tan Sri/Datuk/Dato', Datin-Datin, Dif-dif kehormat,

Yang dihormati barisan Pembentang Seminar, Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin  
dan hadirat yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, kita panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT. kerana dengan limpah kurnia dan izin Nya dapat kita semua berkumpul pada hari ini di Auditorium Sasana Kijang yang mempunyai fasiliti serba lengkap dan kondusif untuk sama-sama berkongsi ilmu dan pengalaman sempena Seminar Pengurusan Fasiliti Sektor Awam 2017 yang bertemakan Ke Arah Keberkesanan Kontrak Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan Sektor Awam.
2. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Kerja Raya selaku penganjur di atas jemputan dan kesempatan yang diberi untuk menyampaikan sepatah dua kata, seterusnya merasmikan seminar ini.
3. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Urus setia Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan di JKR Malaysia, atas inisiatif penganjuran seminar ini. Seminar ini merupakan agenda tahunan tetap dalam kalendar acara anjuran JKR untuk manfaat penjawat awam, khususnya dalam bidang pengurusan fasiliti. Semoga seminar seumpama ini akan terus dilaksanakan pada tahun-tahun mendatang agar kesinambungan dan momentum akan

berterusan dan ianya menjadi acara tahunan yang ditunggu-tunggu untuk dihadiri oleh semua penjawat di sektor awam.

4. Pengurusan fasiliti merupakan subjek yang sangat dekat dengan saya secara peribadi. Sebelum saya dilantik menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, saya telah pun terlibat secara langsung dengan beberapa inisiatif pengurusan fasiliti terutamanya di dalam Projek *Public Private Partnership (PPP)/Private Fund Initiatives (PFI)* dan *Hospital Support Services (HSS)*. Pada hemat saya, industri pengurusan fasiliti mempunyai daya saing yang baik dalam perkembangan ekonomi masa kini.
  
5. Sehubungan itu, adalah diharapkan agar seminar ini berperanan sebagai medium untuk mengemaskini pengetahuan dan trend terbaharu dalam industri pengurusan fasiliti di negara ini. Selain itu, seminar ini juga menjadi *networking platform* untuk penjawat awam dari pelbagai agensi yang terlibat secara langsung dalam pengurusan aset untuk bertukar buah fikiran dalam memastikan aset milikan kementerian dan jabatan masing-masing berada di tahap optimum.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Dunia kini sedang berada di ambang revolusi teknologi yang secara asasnya telah mengubah cara hidup, cara bekerja dan berinteraksi sesama kita baik dari segi skala, skop dan kompleksiti. Perubahan seumpama ini tidak pernah dialami oleh sebarang tamadun kemanusiaan sebelumnya dan kita masih tidak dapat lagi menjangkakan apa sebenarnya yang akan berlaku dalam tahun mendatang. Namun satu perkara yang pasti, perubahan ini menuntut respon yang perlu dilaksanakan secara komprehensif, merangkumi seluruh *stakeholder* dalam skala global, baik dari pihak kerajaan mahupun swasta, ahli akademik dan juga masyarakat awam.
  
7. Revolusi Perindustrian Pertama (*1<sup>st</sup> Industrial Revolution*) menggunakan air dan kuasa wap untuk menggerakkan mesin bagi pengeluaran. Revolusi Perindustrian Kedua (*2<sup>nd</sup> Industrial Revolution*) pula menggunakan mesin yang dikuasakan oleh tenaga elektrik untuk pengeluaran produk secara besar-besaran. Revolusi Perindustrian Ketiga (*3<sup>rd</sup> Industrial Revolution*) menggunakan elektronik dan teknologi maklumat untuk mengautomasi pengeluaran. Manakala Revolusi Perindustrian Keempat (*4<sup>th</sup> Industrial Revolution*) atau Industri 4.0 merupakan evolusi daripada Revolusi

Perindustrian Ketiga yang terhasil melalui gabungan pelbagai teknologi yang telah mengkaburkan garis pemisah antara ruang fizikal, digital dan biologikal manusia.

8. Pada masa ini, berbilion manusia telah dihubungkan dengan peranti mudah alih yang mempunyai kuasa pemprosesan, kapasiti penyimpanan dan akses kepada maklumat yang tidak terhad. Lonjakan teknologi dalam bidang berkaitan seperti *Artificial Intelligence*, robotik, *Internet of Things*, kenderaan autonomi, nanoteknologi, bioteknologi, sains material, cetakan 3D, penyimpanan tenaga dan sebagainya telah menjadi pemangkin dalam mempercepatkan perkembangan Industri 4.0 ini.
9. Kemajuan yang sangat signifikan dalam *Artificial Intelligence* beberapa tahun kebelakangan ini, didorong oleh peningkatan kuasa pemprosesan komputer secara mendadak, jumlah data tersedia yang banyak, perisian baru untuk mencari segala keperluan dan algoritma untuk menganalisis data besar (*big data analytics*) bagi mengenalpasti dan menjangka minat orang ramai. Para jurutera, arkitek dan perekacipta sedang menggabungkan kejuruteraan material, pembuatan tambahan (*additive manufacturing*), biologi sintetik dan lain-lain teknologi bagi menghasilkan produk yang mesra pengguna dan juga membina fasiliti yang kondusif

untuk digunakan dan seterusnya memberikan kepuasan kepada pengguna.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Negara kita turut tidak terlepas dari kesan Industri 4.0 ini. Negara ekonomi baru seperti Vietnam, Myanmar, Laos dan Kemboja bakal muncul dan mungkin meninggalkan Malaysia melalui revolusi industri ini. Syarikat-syarikat besar di Eropah, Amerika Syarikat dan Asia telah melabur hampir USD 1 trillion setahun dalam persiapan menghadapi revolusi industri ini. Sehubungan itu, semua yang terlibat dalam industri yang berdaya saing di negara ini tidak seharusnya leka dengan apa yang ada sebaliknya perlu meningkatkan kemahiran dan membuat persiapan yang wajar agar kita tidak ketinggalan dalam persaingan di peringkat global.

11. Antara kesan langsung Industri 4.0 kepada negara adalah persepsi dan jangkaan pelanggan akan menjadi lebih tinggi terhadap produk atau servis yang kita berikan. Selain itu, produk atau servis yang dihasilkan akan terus ditambahbaik dari segi kualiti, kos dan masa agar lebih efektif dan efisien untuk pelanggan mendapat pengalaman terbaik semasa menggunakan

produk atau servis tersebut. Untuk mendapatkan penambahbaikan berkaitan, usaha untuk memikirkan inovasi baharu perlu dilaksanakan secara kolaboratif bersama dengan *stakeholder* agar inovasi tersebut sesuai dengan kehendak pelanggan. Peluang-peluang pekerjaan baharu akan dapat diwujudkan melalui ekonomi digital ini. Industri 4.0 juga dijangka dapat membantu negara dalam mencapai sasaran ekonomi negara yang disasarkan oleh YAB Perdana Menteri iaitu RM2 trillion dalam tempoh 8 tahun mendatang. Oleh yang demikian, kementerian dan jabatan harus berubah untuk menjadi organisasi yang lebih mesra inovasi dan menerima perubahan yang bakal dibawa Industri 4.0 ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Saya menarik perhatian hadirin sekalian kepada Industri 4.0 ini adalah kerana bukan sahaja ia akan memberi kesan kepada kita semua, malah ia amat berkaitan dengan industri pengurusan fasiliti yang kita bakal bincangkan dalam seminar ini. Elemen pengurusan fasiliti yang mengintegrasikan *people, place, process* dan *technology* adalah amat bertepatan dengan Industri 4.0 yang telah menghubungkan antara teknologi digital dan kehidupan seharian.



13. Kemajuan dalam *connected technology*, *Internet of Things* dan *Artificial Intelligence* akan menyumbang kepada aplikasinya dalam industri pengurusan fasiliti dan membantu ke arah penggunaan aset secara optimum. Manakala, kemajuan dalam *data analytics* akan membantu kepada keputusan yang lebih cepat dan tepat. Sebagai contoh, integrasi *Building Information Modelling* (BIM) dalam pengurusan fasiliti adalah bagi mengenalpasti ruang dan komponen aset yang ada dalam sesuatu premis dan ia memudahkan proses bagi tujuan penyenggaraan jika terdapat aduan kerosakan. Seterusnya, segala rekod dan maklumat berkenaan sejarah pembaikan komponen aset akan mudah didapati semula hanya dengan satu klik.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Pendekatan "*Government Lead by Example*" dalam memacu perkembangan industri pengurusan fasiliti di negara kita pada masa kini dibantu oleh beberapa persatuan, syarikat dan individu yang begitu bersemangat dalam melihat industri pengurusan fasiliti ini berkembang. Kerjasama ini telah memperlihatkan kepada kita beberapa pencapaian inisiatif sehingga kini. Antaranya, JKR telah memperkenalkan borang

kontrak piawai Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan (PWD FMM 2016) pada Januari 2017 untuk melaksanakan projek pengurusan fasiliti di dalam kontrak kerajaan. Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti dan kompetensi penyedia perkhidmatan pengurusan fasiliti pula, pihak CIDB telahpun memperkenalkan pendaftaran kontraktor FMM pada Februari 2017.

15. Memandangkan industri pengurusan fasiliti ini secara relatifnya agak baharu di rantau ini, terdapat begitu banyak peluang perniagaan di dalam mahupun luar negara terutamanya di negara ASEAN dan negara-negara sedang membangun. Selain itu, terdapat juga peluang untuk menjana ekonomi dalam pembangunan kapasiti untuk industri pengurusan fasiliti seperti menjadi penyedia latihan kepada syarikat kontraktor pengurusan fasiliti, latihan kepada pekerja-pekerja dan pemberian persijilan berkaitan pengurusan fasiliti. Sekiranya peluang awal tersebut tidak direbut, maka pemain industri dari luar akan mengambil peluang tersebut dan pemain industri pengurusan fasiliti tempatan akan ketinggalan berbanding negara serantau.

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya amat berharap agar tuan-tuan dan puan-puan menghayati setiap pembentangan dan berazam untuk mengaplikasikan pengurusan fasiliti sebagai kaedah terbaik dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab mengurus aset Kerajaan.

17. Dengan lafaz mulia, Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan Seminar Pengurusan Fasiliti Sektor Awam 2017 pada hari ini.

Selamat berseminar kepada semua peserta.

Wa billahi taufiq wal hidayah, wassalamua'laikum warahmatullahi wabarakatuh.